

**KAJIAN KEBERKESANAN AKTIVITI RUKUN TETANGGA DALAM  
MENINGKATKAN PERHUBUNGAN DAN PERPADUAN MASYARAKAT**

**DISEDIAKAN OLEH  
AHMAD ZAHARUDDIN SANI AHMAD SABRI**

**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**2017**

## **Abstrak**

Rukun Tetangga (RT) telah diperkenalkan pada tahun 1975. Objektif secara umumnya untuk mengenalpasti aktiviti-aktiviti Rukun Tetangga yang dijalankan dan mengenal pasti Rukun Tetangga yang aktif dan tidak aktif melalui data yang diterjemahkan kepada peta topografi yang mempunyai warna yang mewakili setiap jumlah peratus. Kajian ini lebih menekankan kepada aktiviti yang memberi impak kepada perpaduan dan juga kepada aktiviti-aktiviti yang perlu dilaksanakan oleh setiap KRT dalam menyatukan pelbagai etnik di Malaysia. Seramai 441 orang responden telah dipilih berbanding senarai RT yang berdaftar yang didapati dari Jabatan Perpaduan Negara. Kajian ini meliputi kawasan di Semenanjung Malaysia iaitu terdiri daripada 11 buah negeri dan 2 buah wilayah persekutuan. Responden telah menjawab soal selidik yang diberikan secara serahan tangan melalui JPNIN di negeri masing-masing dan kembali secara kiriman pos kepada penyelidik. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian gabungan iaitu secara kuantitatif dan kualitatif. Instrumen yang digunakan ialah IBM SPSS 20.0 untuk menganalisis hasil penyelidikan. Dapatan kajian berdasarkan aktiviti rukun tetangga menunjukkan 23.1 % responden menyatakan bahawa aktiviti gotong-royong adalah yang paling kerap diadakan di kawasan perumahan. Aktiviti sambutan perayaan sebanyak 12.7%, program Pendidikan 11.3%, sumbangan kemasyarakatan sebanyak 10.9%, sukan 10.4%, sukaneka 7.7% dan SRS hanya 2.0% sahaja. Hal ini menunjukkan ke arah kategori mana aktiviti-aktiviti RT yang lebih menarik minat penduduk untuk melibatkan diri mereka. Oleh itu kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang berkenaan dan melalui aktiviti RT ini dapat lebih lagi meningkatkan hubungan dan perpaduan masyarakat di negara kita dan untuk memastikan kesepaduan dalam negara maka rukun tetangga perlu digarap menjadi agen kesepaduan yang jitu.

## **Abstract**

The Rukun Tetangga (RT) was introduced in 1975. The objective is to identify the activities of the Rukun Tetangga which are carried out and identify the active and inactive Rukun Tetangga through the translated data to the topographic map with color representing each percentage. This study emphasizes on the activities that impact on unity as well as on the activities that each RT needs to bring together in diverse ethnics in Malaysia. A total of 441 respondents were selected based on the list of registered RTs obtained from the Department of Unity. This study covers areas in Peninsular Malaysia comprising 11 states and 2 federal territories. Respondents have answered questionnaires handed over by JPNIN in their respective countries and returned by postal mail to researcher. This study uses a combination study design that is quantitatively and qualitatively. The instrument used is IBM SPSS 20.0 to analyze the results of the research. The findings based on the activities of Rukun Tetangga showed 23.1% of respondents said that the 'gotong royong' activities are most often held in a residential area. Celebration activities 12.7%, Education program 11.3%, Community contribution 10.9%, Sports 10.4%, PlayStation 7.7% and SRS only 2.0%. This shows towards which category RT activities are more attractive to residents to engage. Therefore, this study can benefit all parties concerned and through this RT activity can further enhance the relations and unity of the people in our country and to ensure inner coordination of the country so neighboring roles need to be worked out to be a true catalyst agent.

## Ringkasan Eksekutif

Pada Jun 2016, IPDM UUM telah mengikat perjanjian kajian bersama JPNIN. Perjanjian tersebut membolehkan pihak IPDM memperoleh geran penyelidikan serta menghasilkan penyelidikan melalui perjanjian secara kerjasama ini antara JPNIN dan IPDM UUM.

Kajian ini telah dijalankan untuk mengkaji keberkesanan aktiviti Rukun Tetangga dalam meningkatkan hubungan dan perpaduan dalam masyarakat di Malaysia. Objektif umumnya ialah untuk mengenalpasti aktiviti-aktiviti Rukun Tetangga yang dijalankan dan mengenal pasti Rukun Tetangga yang aktif dan tidak aktif melalui data yang diterjemahkan kepada peta topografi yang mempunyai warna yang mewakili setiap jumlah peratus. Kajian ini lebih menekankan kepada aktiviti yang memberi impak kepada perpaduan dan juga kepada aktiviti-aktiviti yang perlu dilaksanakan oleh setiap KRT dalam menyatukan pelbagai etnik di Malaysia.

Responden yang dipilih bagi kajian ini ialah Ahli Jawatankuasa utama dalam pengurusan KRT. Pemilihan mereka adalah kerana mereka lebih faham tentang KRT dan lebih mengetahui tentang aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh KRT di kawasan masing-masing. Kaedah yang digunakan oleh penyelidik ialah kaedah gabungan yang merupakan kombinasi kaedah kuantitatif dan kualitatif. Analisis dokumen, soal selidik, temubual, pemerhatian telah digunakan bagi menghasilkan dapatan kajian. Bagi proses pengedaran borang soal selidik, pihak penyelidik telah menghubungi JPNIN di setiap negeri melalui bantuan pihak IKLIN untuk mengedarkan soal selidik kepada Rukun Tetangga di kawasan terpilih. Pihak penyelidik telah berjumpa dengan pegawai JPNIN yang bertugas dan menyerahkan borang soal selidik, surat sokongan, surat kriteria tentang soal selidik dan sedikit token untuk para responden yang menjawab soalan. Selain itu, penyelidik juga telah membekalkan plastik kiriman pos bagi membolehkan responden untuk mengembalikan terus borang soal selidik tersebut kepada pihak penyelidik.

Dapatan kajian berdasarkan aktiviti rukun tetangga menunjukkan 23.1 % responden menyatakan bahawa aktiviti gotong-royong adalah yang paling kerap diadakan di kawasan perumahan. Aktiviti sambutan perayaan sebanyak 12.7%, program Pendidikan 11.3%, sumbangan kemasyarakatan sebanyak 10.9%, sukan 10.4%, sukaneka 7.7% dan SRS hanya 2.0% sahaja. Hal ini menunjukkan ke arah kategori mana aktiviti-aktiviti RT yang lebih menarik minat penduduk untuk melibatkan diri mereka. Selain itu melalui kajian ini juga penyelidik telah menterjemahkan data-data yang diberikan kepada peta topografi yang berwarna yang mewakili peratusan keaktifan

bagi RT di kawasan-kawasan. Peta-peta ini dapat membantu pihak JPNIN mengesan kawasan RT yang aktif dan tidak aktif. Penyelidik juga dapat mengenal pasti aktiviti yang dicadangkan oleh responden-responden melalui soal selidik yang diberikan kepada mereka.

Di samping dapatan yang telah dinyatakan, kajian juga mendapati beberapa terdapat cadangan penambahbaikan untuk pihak JPNIN iaitu mewujudkan felo khusus dalam meningkatkan lagi kualiti rukun tetangga, mengadakan lebih banyak aktiviti yang mendapat sokongan setiap peringkat umur dan bangsa dan meningkat kefahaman dan pengetahuan penduduk terhadap fungsi KRT dan program anjurannya serta agar pihak JPNIN dapat menambahkan lebih banyak aktiviti melibatkan belia dalam aktiviti Rukun Tetangga. Oleh itu bagi memastikan kesepaduan dalam negara maka rukun tetangga perlu digarap menjadi agen kesepaduan yang jitu.